

Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008  
Universiti Teknologi Malaysia, 22-23 Oktober 2008

## Sumbangan Kurikulum dan Kokurikulum Bagi Penguasaan Kemahiran Generik Terhadap Pelajar Tahun Akhir UTHM

Mohd Yusop Ab Hadi<sup>a</sup>, Ahmad Esa<sup>b</sup>, Yogeshwari A/P Vinayagam<sup>c</sup> dan Zurina Yasak<sup>d</sup>

Fakulti Pendidikan Teknikal  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
[yusop@uthm.edu.my](mailto:yusop@uthm.edu.my), [ahmad@uthm.edu.my](mailto:ahmad@uthm.edu.my), dan [zurina@uthm.edu.my](mailto:zurina@uthm.edu.my)

### Abstrak

Tujuan kajian dijalankan ialah untuk mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran generik dalam kalangan pelajar tahun akhir UTHM dan sumbangan kurikulum serta kokurikulum dalam menerapkan kemahiran ini kepada pelajar. Reka bentuk penyelidikan yang digunakan ialah penyelidikan deskriptif jenis tinjau sampel yang melibatkan 108 orang pelajar UTHM (Universiti Tun Hussein Onn Malaysia) dengan menggunakan instrumen soal selidik. Keputusan yang diperoleh mendapati bahawa tahap penguasaan responden dari segi tiga aspek kemahiran generik adalah tinggi. Kemahiran bekerja dalam kumpulan adalah paling tinggi dikuasai oleh responden diikuti oleh kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran berkomunikasi. Dapatan kajian menunjukkan sumbangan kurikulum dan kokurikulum bagi menerapkan kemahiran ini kepada pelajar. Interpretasi min menunjukkan sumbangan kurikulum yang tertinggi dalam menerapkan kemahiran generik dan diikuti oleh sumbangan kokurikulum. Namun begitu, kajian ini menunjukkan pelbagai kekurangan penguasaan dari aspek Bahasa Inggeris dan bahasa ketiga oleh pelajar yang merupakan aspek penting untuk arena kerjaya. Oleh itu, dikemukakan beberapa cadangan di sesuatu sekolah atau institusi untuk menerapkan penguasaan Bahasa Inggeris dan bahasa ketiga.

**Kata kunci:** kurikulum; kokurikulum; kemahiran generik

### 1.0 Pendahuluan

Menurut Reigeluth (1999), kemahiran generik adalah yang boleh diguna pakai merentas pelbagai subjek domain. Ini bermakna, dengan menguasai kemahiran generik, seseorang individu akan dapat mengadaptasikan diri dengan sebarang perubahan yang berlaku. Pekerja yang menguasai kemahiran generik bersifat fleksibel, dinamik, dan berketerampilan dalam menjalankan tugas. Kemahiran generik juga dikenali sebagai 'employable skills' iaitu kemahiran dalam kebolehan melakukan kerja dengan lebih praktikal dan realistik.

Tengku Mahaleel (2002) berpendapat untuk penempatan diri dan bersaing di pasaran pekerjaan global pada masa kini, para graduan tempatan harus mempunyai elemen-elemen kemahiran generik di samping cemerlang dalam bidang akademik. Menurut beliau lagi, elemen-elemen kemahiran generik akan membolehkan seseorang pekerja menggunakan segala ilmu pengetahuan dan kemahiran yang ada dalam sebarang bidang pekerjaan.

Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh *Malaysia Today* (2005), yang bertajuk "Malaysia Has 60,000 Graduates Unemployed" kerajaan telah membuat

satu kajian dan daripada kajian tersebut didapati bahawa punca utama 60,000 graduan Malaysia yang masih menganggur adalah disebabkan kekurangan beberapa kemahiran seperti komunikasi, lemah dalam menggunakan Bahasa Inggeris dan kurang pengalaman bekerja. Fenomena ini menunjukkan graduan ini adalah tidak layak untuk bekerja. Apakah kesilapan dalam sistem pendidikan tinggi di negara kita? Ramai menuduh sistem pendidikan dalam pembelajaran tinggi menyetepikan kepentingan kemahiran-kemahiran keboleherjaan. Fenomena ini bukan sahaja berlaku di negara kita, tetapi juga di luar negara seperti United States, United Kingdom dan sebagainya. Untuk tambahan, kerajaan United Kingdom menghadapi kesulitan dalam menemui graduan yang memiliki "soft skill" (Dickinson, 2000). Di United States pula, majikan selalu melaporkan kepada media bahawa negara itu menghadapi kekurangan pekerja yang mempunyai set kemahiran yang sempurna dan masalah ini memberi kesan kepada ekonomi negara mereka. (Lawrence, 2002).

Menurut Berita Harian (22 Ogos 2003), Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) mendakwa sukatan pelajaran di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan

masih tidak memenuhi keperluan dan tuntutan pasaran kerja dalam negara. Pengarah Eksekutif MEF, Shamsuddin Bardan, berulas bahawa kebanyakan graduan tempatan mengutamakan kelulusan akademik sahaja tetapi tidak mengutamakan aspek lain dan mereka tidak memiliki kemahiran kerja yang diperlukan dalam pasaran kerjaya.

Ahmad (2004) berpendapat bahawa kemahiran generik wujud dalam aktiviti kokurikulum yang dijalankan di sesebuah institusi pendidikan. Justeru itu, penerapan kemahiran generik secara langsung atau tidak langsung kepada pelajar boleh dilaksanakan menerusi kurikulum yang sistematik, kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang pelbagai serta penglibatan aktif pelajar dalam kokurikulum di sesebuah institusi yang membolehkan pelajar mengaplikasikannya semasa bekerja kelak.

Menurut Sharil dan Habib (1999), pendidikan teknikal dan vokasional di Malaysia hanya mempunyai program pengajian yang menekankan kepada penguasaan pelajar terhadap pengetahuan dan kemahiran asas dalam bidang pengkhususan masing-masing sahaja. Penguasaan kemahiran generik melalui proses pengajaran dan pembelajaran kurang diberi penekanan. Tetty (2000) berpendapat bahawa kaedah P&P yang digunakan oleh para pendidik kini perlu diubah demi mewujudkan rakyat Malaysia yang bersifat terbuka, kreatif dan mampu menguasai semua aspek kemahiran, terutamanya aspek-aspek kemahiran generik yang telah dikenal pasti akan kepentingannya.

Penguasaan kemahiran generik dalam kalangan pelajar pendidikan teknik dan vokasional adalah penting bagi melahirkan graduan yang berupaya menjadi pendidik yang berkualiti serta mampu mengharungi cabaran dan tekanan di tempat kerja. Di Fakulti Pendidikan Teknikal (FPTek), UTHM (Universiti Tun Hussein Onn Malaysia) kemahiran generik diterapkan melalui pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum mengikut Falsafah Pendidikan UTHM yang berteraskan usaha berterusan untuk menerajui program akademik yang berorientasikan pasaran dan berfokuskan pelajar menerusi pembelajaran melalui pengalaman (*experiential learning*) untuk menghasilkan sumber manusia terlatih dan profesional sebagai pemangkin ke arah kemajuan negara yang mampan. Kemahiran generik bukan merupakan satu mata pelajaran tetapi dilaksanakan secara tidak langsung mengikut kebijaksanaan dan kreativiti seseorang pensyarah. Pada masa ini, tiada penilaian khusus secara rutin yang dijalankan untuk melihat penguasaan kemahiran generik dalam kalangan pelajar FPTek. Oleh yang demikian satu kajian telah dilakukan untuk meninjau penguasaan kemahiran generik dalam kalangan pelajar.

## 2.0 Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran komunikasi, menyelesaikan masalah, bekerja dalam kumpulan dalam kalangan pelajar tahun akhir FPTek, UTHM.
- ii. Mengenal pasti sumbangan kurikulum dan sumbangan kokurikulum terhadap penguasaan kemahiran generik dalam kalangan pelajar tahun akhir FPTek, UTHM.

## 3.0 Kaedah Kajian

Reka bentuk kajian ialah kajian deskriptif yang meninjau tahap penguasaan kemahiran generik pelajar menerusi kurikulum dan kokurikulum di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Populasi kajian ini ialah semua pelajar tahun akhir kursus Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional pada tahun 2007 di Fakulti Pendidikan Teknikal, UTHM iaitu seramai 150 orang. Berdasarkan Jadual Saiz Sampel yang dikemukakan oleh Krejcie dan Morgan (1970), bagi saiz populasi tersebut, saiz minimum sampel yang diperlukan ialah 108 orang pelajar. Instrumen kajian ialah soal selidik yang dibina sendiri oleh penyelidik berdasarkan konsep dan pandangan yang dikemukakan oleh Universiti Canberra Generic Skill Requirement (1995), Peter Stucky (1996), Ghulam R Nabi & Daud Bagley (1995), Sharma Tayabarasilan (2001), Sharifah Noor Anita (2002), Hashamiza (2003), Virgona, *et.al* (2003), Victor (2003), Ahmad (2004), dan Saadiah (2004). Soal selidik yang telah digunakan mempunyai empat bahagian iaitu Bahagian A mengandungi maklumat responden, Bahagian B mengandungi item untuk mengenalpasti tahap penguasaan kemahiran generik pelajar, Bahagian C pula untuk mengukur sumbangan kurikulum serta kokurikulum, dan Bahagian D untuk pandangan terbuka. Skala Likert (1 hingga 5) digunakan untuk mengukur maklum balas responden bagi setiap item yang dikemukakan.

Pengumpulan data dilakukan sendiri oleh penyelidik dengan bantuan pensyarah, pelajar dan kawan di UTHM. Analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk mendapatkan min dan sisihan piawai manakala statistik inferens digunakan untuk menganalisis perbezaan antara pemboleh ubah bagi memenuhi objektif yang ditetapkan. Tafsiran statistik min yang digunakan diubah suai daripada Wiersma (2000) iaitu nilai min 1.0 hingga 2.33 = rendah, 2.34 hingga 3.67 = sederhana dan 3.68 hingga 5.0 = tinggi).

#### 4.0 Penemuan

Elemen Kemahiran Generik	Min Penguasaan	Tafsiran
Kemahiran Komunikasi	3.86	Tinggi
Kemahiran Menyelesaikan Masalah	3.95	Tinggi
Kemahiran Bekerja Dalam Kumpulan	4.03	Tinggi
<b>Skor Min Keseluruhan</b>	<b>3.95</b>	<b>Tinggi</b>

**Jadual 1** menunjukkan bahawa pelajar UTHM mempunyai tahap penguasaan kemahiran generik yang tinggi. Kesemua item mempunyai nilai min melebihi 3.80 yang menunjukkan para responden mahir dalam kemahiran komunikasi, menyelesaikan masalah, dan bekerja dalam kumpulan.

**Jadual 1:** Purata Skor Min dan Tafsiran Bagi Tiga Elemen Kemahiran Generik

**Jadual 2** menunjukkan secara keseluruhan skor min dan tafsiran bagi tiga jenis elemen dalam kemahiran generik. Melalui dapatan tersebut, sumbangan kurikulum dan kokurikulum dalam menerapkan kemahiran generik kepada pelajar adalah tinggi iaitu purata skor min untuk sumbangan kurikulum adalah bernilai 3.94 manakala sumbangan kokurikulum ialah 3.84.

**Jadual 2:** Purata Skor Min dan Tafsiran Bagi Sumbangan Kurikulum Dan Kokurikulum

Sumbangan Elemen Kemahiran Generik	Kurikulum	Kokurikulum	Tafsiran
Kemahiran Komunikasi	3.89	3.78	Tinggi
Kemahiran Menyelesaikan Masalah	3.95	3.87	Tinggi
Kemahiran Bekerja Dalam Kumpulan	3.97	3.87	Tinggi
<b>Skor Min Keseluruhan</b>	<b>3.94</b>	<b>3.84</b>	<b>Tinggi</b>

#### 5.0 Perbincangan

Kajian yang dilakukan telah menepati tujuan kajian dan menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dikemukakan. Dalam kajian yang dijalankan, didapati bahawa tahap penguasaan kemahiran generik dalam

kalangan pelajar dari segi aspek komunikasi, penyelesaian masalah dan bekerja dalam kumpulan adalah tinggi. Kemahiran bekerja dalam kumpulan adalah paling tinggi dikuasai oleh pelajar FPTek, UTHM dan diikuti oleh kemahiran menyelesaikan masalah. Kemahiran komunikasi adalah kurang dikuasai oleh pelajar khususnya dari segi item penguasaan Bahasa Inggeris dan bahasa ketiga. Sumbangan kurikulum dan kokurikulum dalam menerapkan kemahiran generik kepada pelajar juga didapati tinggi, iaitu sumbangan kurikulum adalah tertinggi dalam menerapkan kemahiran generik dan diikuti oleh sumbangan kokurikulum.

#### 6.0 Cadangan

##### 6.1 Cadangan Kepada Pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

- Usaha-usaha yang dirancang dan dipraktikkan oleh pihak KPTM dapat dicapai secara sepenuhnya sekiranya terdapat satu unit perancang dan penilai kemahiran generik terhadap pelajar di Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang boleh menilai dan mengiktiraf pelajar sebagai layak mendapat pekerjaan setelah graduan tersebut keluar dari universiti. Pihak KPTM tidak seharusnya menyerahkan kuasa penilaian sepenuhnya kepada pihak universiti sahaja malah pihak KPTM juga harus memainkan peranan dalam melaksanakan proses penerapan kemahiran generik kepada pelajar.
- Pengkaji ingin memberi cadangan bahawa sebelum merancang dan melaksanakan penerapan kemahiran generik kepada pelajar, pihak KPTM harus melatih guru atau pensyarah yang akan mendedahkan kemahiran ini kepada pelajar dengan memberi latihan dan kursus secukupnya supaya mereka bersedia mengajar pelajar. Pensyarah khasnya pensyarah yang lama harus didedahkan dulu dengan beberapa kaedah pengajaran yang afektif yang boleh digunakan untuk menerapkan kemahiran generik kepada pelajar. Agak sukar untuk pelajar menguasai kemahiran - kemahiran generik ini seandainya para pendidik sendiri tidak memahami konsep penerapan kemahiran generik tersebut.

##### 6.2 Cadangan Kepada Pihak Universiti

- Pihak universiti harus membantu pelajar mendapat kemahiran ini melalui menyediakan kemudahan pembelajaran seperti kelas yang kondusif untuk pembelajaran yang selesa, makmal yang dilengkapi dengan semua peralatan lengkap bagi melakukan amali dan sebagainya.
- Program bahasa asing harus diteruskan dan bagi mencapai objektif pembelajaran bahasa asing

pensyarah perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran supaya pelajar dapat menguasai bahasa ini.

- c) Tempoh pembelajaran bahasa asing boleh ditingkatkan contohnya selama 1 tahun atau 2 tahun yang dapat membolehkan pelajar menguasai secara sepenuhnya bahasa baru dan ini merupakan satu kelebihan kepada mereka dan universiti kerana graduan keluaran universiti mampu menguasai pelbagai bahasa dan mudah mendapat kerja.
- d) Pihak universiti harus melebihi program atau aktiviti yang boleh meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris pelajar. Contohnya seperti 'english for fun', 'english week', 'debate competition', 'creative story telling competition', 'novel writing competition', 'games or crossword puzzle', dan aktiviti-aktiviti menarik lain yang dapat menarik perhatian pelajar. Pihak universiti harus membolehkan semua pelajar menyertai program-program seperti ini daripada memilih segelintir sahaja supaya bakat pelajar dapat ditunjukkan dan meningkatkan kemahiran mereka.
- e) Pihak universiti juga harus menyediakan tenaga pengajar yang berkelayakan dan menguasai Bahasa Inggeris supaya mereka dapat mengajar pelajar dengan berkesan tanpa menghadapi masalah dari segi penggunaan bahasa.
- f) Kaedah, teknik, strategi dan pendekatan pengajaran yang berkesan boleh menerapkan elemen-elemen tersirat yang baik kepada pelajar. Contohnya pendekatan seperti pembelajaran koperatif, pembelajaran berasaskan masalah, kolaboratif, pembelajaran berasaskan objektif dan hasil pembelajaran dan pendekatan lain yang lebih berpusatkan pelajar dapat membentuk pelajar yang kreatif, aktif dan berkemahiran tinggi.
- g) Pihak universiti juga boleh mengadakan hubungan rapat dengan pihak industri, sekolah, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, atau Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Hubungan rapat di antara kedua-dua pihak dapat membantu pelajar untuk meningkatkan kemahiran generik mereka. Pihak luar seperti sekolah atau industri dapat membuat tinjauan ke universiti untuk melihat dan menilai sistem pendidikan di universiti supaya aspek yang diterapkan di universiti adalah selaras dengan kehendak mereka.

### 6.3 Cadangan Kepada Pelajar

- a) Pelajar tidak seharusnya menuduh pihak universiti atau pihak KPTM sahaja jika mereka tidak dapat menguasai semua aspek kemahiran generik. Mereka harus memperbaiki kelemahan diri mereka untuk meningkatkan penguasaan kemahiran generik. Contohnya sebagai pelajar harus menyertai program yang dianjurkan oleh pihak universiti dan bergiat

aktif dalam aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Pelajar tidak seharusnya memberi kelebihan kepada akademik sahaja malah harus seimbang dari segi akademik dan kokurikulum. Pelajar harus melengkapkan diri mereka dengan kemahiran dan pengetahuan selaras dengan era kini yang menuju *k-workers* atau pekerja yang berasaskan pengetahuan.

- b) Pelajar juga boleh meningkatkan penguasaan bahasa baik Bahasa Inggeris mahupun bahasa asing dengan menggunakannya selalu. Pelajar harus berinteraksi dalam Bahasa Inggeris dengan kawan, pensyarah, dan orang lain tanpa malu untuk bertutur. Para pelajar perlu peka dengan keadaan dan permintaan semasa bagi memenuhi bidang kerjaya. Selain daripada itu, pelajar harus memberi komitmen yang tinggi ketika menjalankan aktiviti di kelas, makmal, atau latihan praktikal supaya belajar dapat mengadaptasi kemahiran yang dipelajari semasa bekerja.

### BIBLIOGRAFI

Ahmad Esa, Jailani Mohd Yunus, dan Noraini Kaprawi (2004). "Peranan Kokurikulum dalam Pembangunan Kemahiran Generik" *Jurnal Sains Sosial*. KUiTTHO: **Jilid 2. Bil 1**.

Berita Harian 22 Ogos 2003. "Kursus Di IPT Tidak Berkesan." Magendran Rajagopal.

Dickinson, M. (2000) "Giving Undergraduates Managerial Experience", Education and Training, pp159-169.

\_\_\_\_\_( ). "Generic Skills and Attributes of Graduates From The University Of Canberra." (2005). <http://www.canberra.edu.au/secretariat/council/generic.html>. Dicapai pada 27 Januari 2007 pada 2.30pm.

Ghulam R Nabi dan David Bagley (2003) "Graduates' Perceptions of Transferable Personal Skills & Future Career Preparation in The United Kingdom". <http://www.Central.Lancashire.edu/generic.html>. Dicapai Pada 2 Mei 2007.

Hashamiza Haruddin, (2003). "Pengintegrasian aspek-aspek kemahiran generik dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi program kemahiran tinggi selaras dengan keperluan industri: 1 kajian kes di Pusat Latihan Teknikal (ADTEC) dari perspektif pengajar." KUiTTHO: Tesis Sarjana PTV.

Krejcie, R.V. and Morgan, D. W. (1970). "Determining Sample Size For Research: Educational And

Psychological Measurement.” *Educational and Psychological Measurement*. **30**. 607-610.

Lawrence, T. (2002) “Teaching and Assessing Employability Skills Through SkillsUSA” Annual Quality Congress Proceedings, ABI/INFORM Global, pp 285-294.

“Malaysia Has 60 000 Graduates Unemployed”, *Malaysia Today*, November 3, 2005. <http://www.malaysiatoday.net/Blog-e/2005/11/malaysia-has-60000-undergraduates.htm>. Dicapai Pada 20 Ogos 2007.

Peter Stuck (1996). “Teaching & Learning In Higher Skill Survey Questionnaire (GSSQ)”. University of Western Australia (UWA).

Reigeluth, M (1999). “Modul 7: Generic Skills.” [Http://www.indiana.edu/~idtheory/methods/m7a.html](http://www.indiana.edu/~idtheory/methods/m7a.html). Dicapai pada 15 Februari 2007.

Saadiah binti Mohamad (2002). “Penerapan Dan Penguasaan Aspek-Aspek Kemahiran Generik Melalui Proses P&P dari Perspektif Para Pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Semester Akhir KUiTTTHO”. KUiTTTHO:Tesis Sarjana PTV.

Sharifah Noor Anita Bt Syed Jaafar (2002). “Penguasaan Kemahiran Generik Dalam Memenuhi Kehendak Pasaran Kerja: Kajian Di Kalangan Pelajar Semester Akhir Diploma Kejuruteraan Di Politeknik Port Dickson.” KUiTTTHO: Tesis Sarjana PTV.

Shahril @ Charil Marzuki & Habib Mat Som (1999). “Siri Pengajaran Pendidikan Utusan:Isu Pendidikan di Malaysia: Sorotan & Cabaran.” Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Sharma Thayabarasilan (2001). “Meeting the Market Demand of Generic Skills: An Analysis of Generic Skills Acquisition Among Final Year Engineering Student of KUiTTTHO.” KUiTTTHO: Tesis Sarjana PTV.

Tengku Mahaleel Tengku Ariff, (2002). “Ciri-ciri Kualiti Pelajar Untuk Keperluan Pekerjaan Pada Masa Kini.” Seminar Antara Industri dan Institusi Pendidikan Awam.

Tetty Heney Zulkifli (2000). “Inovasi Dalam Pedagogi: Kurikulum & Pendidikan Malaysia.” <http://www.geocities.com/nikzaful/pendidikan.net/psikologi.htm>. Dicapai Pada 10 Januari 2007.

Victor J Callan (2003), *Generic skills: Understanding vocational education and training teacher and student attitudes*. NCVER. Kensington Park, Australia <http://www.ncver.edu.au>

Virgona.C, Peter Waterhouse, Robin Sefton, dan Jill Sanguinetti (2003). “Making Experience Work: Generic Skills Through the Eyes of Displaced Workers- Volume 1.” South Australia: NCVER.

Wiersma, W (2000). “Research Methods in Education: An Introduction.” Boston: Allyn and Bacon.